

04 NOV 2002

Khair-Perayaan

KHIR BIMBANG KURANG PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA SAMBUT HARI PERAYAAN

SHAH ALAM, 4 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo melahirkan kebimbangan kurangnya penglibatan golongan muda dalam menghayati semangat bersatu padu terutama ketika menyambut hari perayaan pelbagai kaum di negara ini.

Katanya, golongan muda sekarang kurang berminat untuk menyertai perjumpaan berbilang kaum semasa sambutan sesuatu perayaan.

"Saya agak kesal tiada golongan muda yang berminat berkumpul bersama-sama meraikan hari perayaan contohnya seperti perayaan Deepavali hari ini," katanya kepada pemberita di majlis sambutan Deepavali di kediaman Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong dan Perpaduan Negeri, Datuk K. Sivalingam.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Setinggalan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Sains dan Teknologi dan Pembangunan Organisasi Negeri Datuk Lum Weng Keong dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Kebudayaan Negeri Datin Paduka Norkhaila Jamaluddin.

Mohamad Khir berkata, kegagalan golongan muda menghadiri majlis seperti itu akan menyebabkan mereka kurang merasai perasaan muhibah antara pelbagai kaum.

Katanya, beliau hanya melihat golongan dewasa dan lebih tua yang banyak menghadiri perhimpunan Deepavali yang diadakan oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Velu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata, jika golongan muda tidak bersama-sama meraikan sambutan sesuatu perayaan, kemungkinan satu hari nanti semangat kerjasama akan menjadi longgar dan terdapat jurang pemisah antara mereka.

Oleh itu, katanya usaha mesti dipergiatkan supaya lebih banyak ahli masyarakat daripada golongan muda melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan bagi mengisi semangat perpaduan di masa hadapan.

Program kerahan tenaga yang dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dilaksanakan merupakan antara usaha kerajaan untuk menangani masalah itu, katanya.

Sementara itu Sivalingam berkata beliau gembira melihat rakyat pelbagai kaum turut menyambut Deepavali dan ini penting untuk mengekal perpaduan.

-- BERNAMA

RIZ RIZ HM